



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU CACING MATI DITEMUI DALAM PRODUK IKAN SARDIN DALAM TIN DARI NEGARA CHINA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan yang tular di laman media sosial berkaitan cacing mati yang ditemui dalam produk ikan sardin dalam tin dari negara China. Laporan tersebut menyatakan bahawa pihak Badan Pengawas Obat dan Makanan (BPOM), Indonesia mengarahkan tiga (3) pengimport produk ikan sardin dalam dalam tin untuk menarik balik produknya dari pasaran setelah pemeriksaan menunjukkan cacing mati ditemui dalam produk mereka yang diimport dari negara China.

KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menjalankan pemantauan ke atas produk makanan import termasuk produk ikan sardin dan ikan *mackerel* dalam tin. Dalam isu ini, hasil analisis mendapati *Canned Sardines in Tomato Sauce* berjenama TL Tan Lung keluaran syarikat *Fujian Yongfa Co. Ltd* dan *Sardines in Tomato Sauce* berjenama TLC keluaran syarikat *Dongshan Dongyi Foods Co. Ltd.* dari negara China tidak mematuhi Akta Makanan 1983 kerana mengandungi bendasing iaitu nematoda (sejenis cacing) daripada *Genus Anisakis spp.*

Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh KKM di mana syarikat pengimport terlibat telah **diarah memanggil balik produk tersebut**. KKM akan terus menjalankan pemantauan ke atas produk ikan sardine dan mackerel dalam tin yang diimport di semua pintu masuk negara dan di pasaran dan sekiranya didapati tidak mematuhi Akta Makanan 1983, tindakan penguatkuasaan akan diambil.

Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau hubungi KKM melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau laman *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan www.facebook.com/bkkmhq jika terdapat sebarang aduan berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

19 APRIL 2018